

**PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN SUBJEK
JABATAN 2006**

KOD KERTAS : 2006

**G8D
(GRED G17)**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen 1 dan Seksyen 2.

Seksyen 1 (A) dan 1 (B) : Jawab semua soalan.

Seksyen 2 : Jawab empat (4) daripada enam (6) soalan.

SEKSYEN 1(A) : Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

Baca dengan teliti kenyataan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat. Tulis jawapan dalam bentuk huruf A, B, C atau D pada kertas jawapan anda.

-
1. Dalam Manual Operasi untuk Program Pembangunan Tanaman, borang yang digunakan untuk memohon skim pertanian termasuk
 - A Borang AGC-2S
 - B Borang AGC-3A
 - C Borang AGC-1S
 - D Borang AGC-5S

 2. Apakah nama jawatankuasa yang meluluskan permohonan skim tanaman di peringkat bahagian?
 - A Unit Pemantauan Projek Bahagian
 - B Jawatankuasa Perancangan Bahagian
 - C Jawatankuasa Pembangunan Bahagian
 - D Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Bahagian

 3. Apakah kaedah pembelian input pertanian yang digunakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak dalam mengendalikan pembangunan tanaman masa kini?
 - A Tender / sebutharga
 - B Sistem Perolehan Input Pertanian (SPIP)
 - C Farmers' Managed Input Purchasing System (FMIPS)
 - D Farmers' Managed Farm Input Purchasing System (FMFIPS)

4. Terdapat komponen dalam Program Industri Tanaman Padi dalam RMK-8.
- A 7
 - B 5
 - C 8
 - D 6
5. Dalam RMK-8, nilai projek (projek value) sehektar bagi komponen 'Padi Infrastructure Improvement Project' (PIIP) adalah
- A RM4,000
 - B RM5,000
 - C RM6,000
 - D RM7,000
6. Apakah yang dimaksudkan dengan **“LITS' dalam Program Pembangunan Industri Getah RMK-8?**
- A Low Intensity Tipping System
 - B Low Intensity Tapping System
 - C Light Intensity Tapping System
 - D Latex Industry Tapping System
7. Jumlah keseluruhan nilai projek dalam komponen Estet Mini Getah (RME) dalam RMK-8 adalah
- A RM6,720 untuk 5 tahun
 - B RM7,720 untuk 5 tahun
 - C RM8,720 untuk 5 tahun
 - D RM9,720 untuk 5 tahun

8. Keluasan minima tanah satu blok bagi Estet Mini Sagu dalam RMK-8 adalah
- A 40 hektar
 - B 80 hektar
 - C 100 hektar
 - D 150 hektar
9. Salah satu komponen yang terkandung dalam Pembangunan Industri Kelapa Sawit dalam Rancangan Malaysia ke-8 adalah
- A Estet Mini Sawit
 - B Penyelenggara Sawit
 - C Pemulihan Kelapa Sawit
 - D Khidmat Sokongan Sawit
10. Keluasan minima tanah satu blok bagi Penanaman Semula Kelapa Berintegrasi dalam RMK-8 adalah
- A 10 hektar
 - B 20 hektar
 - C 30 hektar
 - D 40 hektar

SEKSYEN 1(B) : Soalan Pendek (20 markah)

Berikan jawapan yang ringkas bagi soalan berikut.

Soalan 1

- a) Nyatakan jarak tanaman dan kepadatan pokok sehektar untuk Projek Estet Mini Sagu dalam RMK-8.

(2 markah)

- b) Senaraikan **DUA (2)** jenis varieti anak benih tanaman yang digunakan dalam Estet Mini Sawit.

(2 markah)

Soalan 2

- a) Berapakah nilai komponen Teknologi Berpakej Padi (Padi Packaged Technology) dalam RMK-8?

(2 markah)

- b) Nyatakan perkara atau perkhidmatan yang terdapat dalam komponen ini.

(2 markah)

Soalan 3

Nyatakan **EMPAT (4)** jenis aktiviti yang dilaksanakan semasa pelaksanaan Estet Mini Sagu dalam RMK-8.

(4 markah)

Soalan 4

- a) Berapakah nilai sehektar bagi Program Penanaman Semula Kelapa Secara Integrasi dalam RMK-8?

(2 markah)

- b) Nyatakan **DUA (2)** kegunaan peruntukan bagi program di atas dalam Tahun 1.

(2 markah)

Soalan 5

- a) Nyatakan **DUA (2)** jenis tanah yang telah diusahakan untuk projek Estet Mini Sawit dalam RMK-8.

(2 markah)

- b) Senaraikan **DUA (2)** jenis aktiviti yang dilaksanakan dalam Estet Mini Sawit bagi Tahun 1.

(2 markah)

SEKSYEN 2 : Soalan Pendek (60 markah)
Jawab empat (4) soalan sahaja daripada enam soalan berikut.

Soalan 1

- a) Sebagai seorang Pembantu Pertanian (Lada), anda perlu tahu mengenai komponen yang terdapat dalam Program Pembangunan Industri Lada dan Rempah dalam RMK-8. Huraikan **DUA (2)** komponen tersebut. **(6 markah)**
- b) Nyatakan **TIGA (3)** kaedah kawalan penyakit reput akar (Foot rot). **(9 markah)**

Soalan 2

- a) Nyatakan **DUA (2)** jenis penyakit akar yang utama menyerang tanaman getah. **(6 markah)**
- b) Nyatakan **TIGA(3)** langkah / amalan yang dilakukan sebelum penanaman yang boleh mengurangkan serangan penyakit akar pada tanaman getah. **(9 markah)**

Soalan 3

Anda adalah seorang penyelia projek tanaman padi di daerah dan telah diarahkan untuk menyediakan perkara-perkara berikut : -

- a) Huraikan tugas dan tanggung jawab anda dalam pembangunan tanaman padi di daerah tersebut. **(6 markah)**
- b) Senaraikan **SEMBILAN (9)** perkara yang perlu ada dalam merancang dan melaksanakan Estet Mini Padi (PME). **(9 markah)**

Soalan 4

a) Apakah nama saintifik bagi pokok sagu?

(3 markah)

b) Berikan **DUA (2)** nama tempatan selain daripada sagu.

(2 markah)

c) Senaraikan **DUA (2)** kaedah semaian sulur sagu.

(4 markah)

d) Berapakah jarak tanaman sagu yang disyorkan?

(3 markah)

e) Berapakah kepadatan pokok untuk sehektar?

(3 markah)

Soalan 5

a) Berikan **TIGA (3)** kriteria utama untuk memohon Estet Mini Sawit dalam RMK8.

(6 markah)

b) Senaraikan **TIGA (3)** pendekatan pelaksanaan Estet Mini Sawit dalam RMK8.

(9 markah)

Soalan 6

a) Senaraikan **TIGA (3)** simptom penyakit 'Rice Blast'.

(6 markah)

b) Senaraikan **TIGA (3)** cara / kaedah untuk mengawal penyakit 'Sheath Blight' yang terdapat pada tanaman padi.

(9 markah)